



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA  
**KOD KURSUS** : DSM2093  
**PEPERIKSAAN** : OKTOBER 2018  
**MASA** : 2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

|                        |                        |
|------------------------|------------------------|
| BAHAGIAN A (60 Markah) | BAHAGIAN B (40 Markah) |
|------------------------|------------------------|

  - i. Bahagian A mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
  - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Analisiskan maksud perancangan sumber manusia.

(5 markah)

b. Bagaimanakah kaedah pemerhatian dan buku log pekerja membantu dalam menganalisis pekerjaan?

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Cadangkan **tiga (3)** teknik kualitatif yang digunakan oleh organisasi dalam meramal permintaan sumber manusia.

(10 markah)

b. Jelaskan kaedah yang digunakan oleh pihak majikan untuk memantau kelayakan pekerja bagi inventori kemahiran secara manual.

(5 markah)

**SOALAN 3**

a. Apabila proses pengecilan dilaksanakan, akan timbul beberapa masalah yang mungkin dihadapi oleh pekerja. Jelaskan masalah-masalah yang mungkin timbul serta bagaimana majikan mengatasi masalah-masalah berkenaan.

(10 markah)

b. Bagaimanakah faktor perubahan demografi dan keselamatan mempengaruhi model reka bentuk sistem kerja?

(5 markah)

**SOALAN 4**

a. Huraikan **empat (4)** kaedah merekrut.

(10 markah)

b. Bagaimanakah ujian keperibadian membantu organisasi dalam proses pemilihan pekerja?

(5 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Perancangan sumber manusia adalah penting dalam menentukan permintaan dan penawaran terhadap sumber manusia. Secara terperinci, bincangkan perancangan penggantian dalam merancang keperluan tenaga manusia.

(10 markah)

- b. Persaingan dunia perusahaan masa kini semakin sengit dan menyebabkan organisasi perlu memperluas perniagaan mereka ke seluruh dunia. Apakah perbezaan di antara *outsourcing* dan *offshoring* yang dilakukan oleh organisasi dalam mereka bentuk sistem kerja?

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Proses merekrut memberi kesan yang besar kepada organisasi. Kegagalan dalam merekrut boleh mengakibatkan kadar pusing ganti yang tinggi, sejumlah bilangan pekerja berhenti dan beberapa masalah lain. Analisiskan kebaikan yang mungkin majikan peroleh sekiranya majikan mengamalkan aktiviti merekrut pekerja sementara.

(10 markah)

b. Pemilihan adalah proses memilih calon yang paling sesuai dari sekelompok pemohon untuk mengisi kekosongan jawatan. Sumber maklumat berkenaan pemohon diperlukan sebelum memilih calon yang sesuai. Mengapakah anda beranggapan bahawa borang permohonan merupakan kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat pemohon?

(10 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**